

PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DIPLOMA SESI II : 2023/2024



Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Ungku Omar

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 Peringatan Penting	1
2.0 Pengenalan	2
3.0 Panduan Pendaftaran	3
4.0 Tarikh dan Masa Lapor Diri	4
5.0 Bayaran Yuran	
Jadual Bayaran Yuran	5
Kaedah Pembayaran	6 - 9
6.0 Pendaftaran Dalam Talian Sebelum Lapor Diri	10 - 11
7.0 Muat Naik Dokumen	12
8.0 Penginapan	12
9.0 Sahsiah dan Rupa Diri	12 - 14

**SELAMAT DATANG PELAJAR BAHARU
KE POLITEKNIK UNGKU OMAR**

Syabas dan tahniah atas kejayaan anda terpilih untuk melanjutkan pengajian ke Politeknik Ungku Omar bagi Sesi II : 2023/2024. Bagi pihak warga Politeknik Ungku Omar, kami mengalu-alukan kedatangan anda.

Semua calon pelajar adalah dinasihatkan untuk membaca PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU dengan teliti bagi memastikan proses pendaftaran dapat diselesaikan dengan lancar.

Calon pelajar adalah dikehendaki melengkapkan semua Dokumen Pendaftaran dan dibawa pada hari lapor diri.

1.0 PERINGATAN PENTING

- 1.1 Jika anda terlibat dengan perkara i dan ii, tindakan menarik balik atau pembatalan tawaran kemasukan ke Politeknik akan dilakukan.
- i) memberi maklumat salah semasa permohonan berkaitan dengan:
- Kewarganegaraan
 - Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia
 - Keputusan Sijil Kolej Komuniti/ Sijil Politeknik/ Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 3) dan keputusan lain yang setaraf yang digunakan sebagai aliran masuk pengajian ke Politeknik Ungku Omar
- ii) anda seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.
- 1.2 Syarat kemasukan program berikut adalah tidak Buta Warna.
- Diploma Kejuruteraan Perkapalan
 - Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
 - Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)
 - Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)
 - Diploma Kejuruteraan Mekatronik
- 1.3 Sekiranya anda didapati Buta Warna setelah membuat Pemeriksaan Doktor, hubungi Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Ungku Omar dengan SEGERA ditalian 05-226 3246 / 05-226 3245/ 05-226 3487 / 05-226 3392.
- 1.4 Pelajar diingatkan untuk **MENCETAK SURAT TAWARAN** di laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my> untuk simpanan sendiri. Laman web ini akan ditutup 1 (SATU) bulan selepas tarikh pendaftaran di Politeknik.

2.0 PENGENALAN


Visi Politeknik Ungku Omar adalah menjadi institusi TVET premier yang diterajui industri. Politeknik Ungku Omar yang telah ditubuhkan pada tahun 1969 mempunyai 21 program di peringkat Sijil Khas, Diploma, Asasi TVET dan Sarjana Muda.

JABATAN	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM (JKA)	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam Dengan Kepujian	BCT
	Diploma Kejuruteraan Awam	DKA
	Diploma Seni Bina	DSB
	Diploma Geomatik	DGU
	Sijil Kas Pembinaan	KKA
JABATAN KEJURUTERAAN PERKAPALAN (JKP)	Diploma Kejuruteraan Perkapalan	DKP
JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK (JKE)	Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	DEE
	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)	DEP
	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)	DTK
JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL (JKM)	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Rangkaian Bekalan) Dengan Kepujian	BMS
	Diploma Kejuruteraan Mekanikal	DKM
	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyamanan Udara dan Penyejukbekuan)	DPU
	Diploma Kejuruteraan Mekatronik	DEM
	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)	DAD
JABATAN PERDAGANGAN (JP)	Diploma Akauntansi	DAT
	Diploma Kewangan	DFI
	Diploma Pengajian Perniagaan	DPM
	Diploma Pengurusan Peruncitan	DRM
	Diploma Kewangan Islam	DIF
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (JTMK)	Diploma Teknologi Maklumat	DIT
JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER (JMSK)	Asasi TVET	FTV

Jadual 1: Senarai program di Politeknik Ungku Omar.

3.0 PANDUAN PENDAFTARAN

3.1 CARTA ALIR PENDAFTARAN



4.0 TARIKH DAN MASA LAPOR DIRI

Lapor diri di Politeknik Ungku Omar = 28 Januari 2024 (Ahad)

JABATAN	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM	MASA
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM (JKA)	Diploma Kejuruteraan Awam	DKA	8.30 – 11.30 pagi
	Diploma Seni Bina	DSB	
	Diploma Geomatik	DGU	
	Sijil Kas Pembinaan	KKA	
JABATAN KEJURUTERAAN PERKAPALAN (JKP)	Diploma Kejuruteraan Perkapalan	DKP	
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (JTMK)	Diploma Teknologi Maklumat	DIT	
JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK (JKE)	Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	DEE	
	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)	DEP	
	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)	DTK	
JABATAN PERDAGANGAN (JP)	Diploma Pengajian Perniagaan	DPM	
JABATAN PERDAGANGAN (JP)	Diploma Akauntansi	DAT	2.30 – 4.00 petang
	Diploma Kewangan	DFI	
	Diploma Pengurusan Peruncitan	DRM	
	Diploma Kewangan Islam	DIF	
JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL (JKM)	Diploma Kejuruteraan Mekanikal	DKM	
	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyamanan Udara dan Penyejukbekuan)	DPU	
	Diploma Kejuruteraan Mekatronik	DEM	
	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)	DAD	

PERINGATAN :

1. Semua pelajar dan ibu bapa diminta untuk hadir pada masa yang ditetapkan.
2. Ibubapa / penjaga yang menghantar anak pada sebelah pagi di kehendaki **beredar sebelum 1.00 petang** bagi memberi laluan pendaftaran pada sesi petang.

5.0 BAYARAN YURAN

Pelajar dikehendaki menjelaskan semua bayaran sebelum lapor diri di Politeknik Ungku Omar.

5.1 JADUAL BAYARAN YURAN

BIL	JENIS BAYARAN	PECAHAN BAYARAN	JUMLAH	KAEDAH BAYARAN
1	Yuran Pengajian	RM 200.00	RM 830.00	 <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content;"> Biller Code: 651968 Ref-1: No Kad Pengenalan Pelajar (tanpa -) Ref-2: No Telefon Pelajar (tanpa -) </div> <p style="font-size: small; margin-top: 5px;">JomPAY online at Internet and Mobile Banking with your Current or Saving Account.</p>
	Yuran Kolej Kediaman	RM 630.00		
2	Kad Pelajar	RM 15.00	RM 50.00	Toyyippay: https://toyypay.com/PUO-KAD-PELAJAR-INSURANS
	Bayaran Insuran	RM 35.00		

Jadual 2: Bayaran Yuran Pengajian/ Kolej Kediaman dan Kad Pelajar/Insurans.

BIL	KUMPULAN PELAJAR	JENIS BAYARAN	PECAHAN BAYARAN	JUMLAH	KAEDAH BAYARAN
1	JKA JKM JKE	Baju T Rasmi PUO	RM 40.00	RM 200.00	https://bit.ly/3RFMqIm
		Baju Korporat PUO	RM 75.00		
		Baju Bengkel	RM 65.00		
		Saham	RM 10.00		
		Fee Masuk	RM10.00		
2	JTMK JKP JP	Baju T Rasmi PUO	RM 40.00	RM 170.00	https://bit.ly/3RuNdW8
		Baju Korporat PUO	RM 75.00		
		Baju T	RM 35.00		
		Saham	RM 10.00		
		Fee Masuk	RM10.00		

Jadual 3: Bayaran koperasi mengikut jabatan dan program yang ditawarkan (Rujuk m/s 4).

PERINGATAN:


- **Setiap pecahan jumlah bayaran hendaklah dibuat secara berasingan.**
- Baca dengan teliti kaedah bayaran (m/s 6 - 9) sebelum pembayaran dilakukan.
- Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran.
- Setiap resit bayaran yuran hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti.

5.2 KAEDAH PEMBAYARAN


5.2.1 Yuran Pengajian dan Kolej Kediaman (RM830)

Pembayaran Yuran Pengajian dan Kolej Kediaman adalah secara JomPAY.

- i) *Log in* ke perbankan internet pilihan atau *Mobile Banking*.
- ii) Pilih *PAY&TRANSFER*.




Gambarajah 1




Gambarajah 2

- iii) Pilih *JomPAY* pada menu *Pay*.

- iv) Masukkan Biller Code **651968**.



Gambarajah 3



Gambarajah 4

- v) Isi maklumat berikut:

- ← Ref 1: Nombor Kad Pengenalan Pelajar (tanpa simbol -)
- ← Ref 2: Nombor Telefon Pelajar (tanpa simbol -)
- ← Pay Amount: Masukkan jumlah bayaran RM830.00

Gambarajah 5

- vi) Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan (*CONFIRM*) pembayaran.

Jumlah Yuran yang telah dibayar →

Gambarajah 6

- vii) *Unique JomPAY Reference Number* akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.

Gambarajah 7

- viii) Cetak resit bayaran untuk serahan semasa lapor diri.

Gambarajah 8

ix) Kaedah pembayaran secara JomPAY bagi perbankan internet lain.

BANK	CARA BAYARAN
BANK ISLAM (BIMB)	01. Login ke perbankan internet 02. Pilih Payment/Services 03. Pilih JomPAY 04. Pilih Payment (JomPAY) 05. Pilih Akaun Pembayaran 06. Masukkan amaun 07. Masukkan Biller code 651968 08. Masukkan Ref 1 = No Kad Pengenalan Pelajar (tanpa simbol -) Ref 2 = No Telefon Pelajar 09. Tekan Validate 10. Selesai dan simpan bukti bayaran
CIMB	01. Login ke perbankan internet 02. Pilih Pay & Transfer 03. Pilih JomPAY 04. Masukkan Biller code 651968 05. Masukkan Ref 1 = No Kad Pengenalan Pelajar (tanpa simbol -) Ref 2 = No Telefon Pelajar 06. Pilih Akaun Pembayaran 07. Masukkan amaun 08. Tekan Make Payment 09. Selesai dan simpan bukti bayaran
BANK RAKYAT (BKRM)	01. Login ke perbankan internet BIMB 02. Pilih Payment 03. Pilih JomPAY 04. Pilih Akaun Pembayaran 05. Masukkan Biller code 651968 06. Masukkan Ref 1 = No Kad Pengenalan Pelajar (tanpa simbol -) Ref 2 = No Telefon Pelajar 07. Masukkan amaun 08. Tekan Add 09. Tekan Submit 10. Selesai dan simpan bukti bayaran

Jadual 4: Kaedah pembayaran secara JomPAY.

- Pembayaran Yuran Pengajian dan Kolej Kediaman boleh digunakan melalui mana-mana bank yang ada perkhidmatan JomPAY.

5.2.2 Bayaran Kad Pelajar dan Insuran (RM50)

i) Klik <https://toyypay.com/PUO-KAD-PELAJAR-INSURANS>




Gambarajah 9

ii) Masukkan maklumat pelajar.


- Nama Penuh (seperti dalam Kad Pengenalan)
- Email
- No telefon
- Nombor Kad Pengenalan (tanpa simbol -)

Gambarajah 10

iii) Pilih bank. Klik *proceed*. Login ke perbankan internet dan selesaikan transaksi bayaran.



Gambarajah 11



Gambarajah 12


iv) Tambahan caj RM 1.00 *admin fee* (servis caj) akan dikenakan untuk setiap transaksi bayaran Toyypay.

v) Selesai dan simpan bukti pembayaran yang diterima melalui emel pelajar.

6.0 PENDAFTARAN DALAM TALIAN SEBELUM LAPOR DIRI

6.1 MANUAL PENGGUNAAN SISTEM PENDAFTARAN eDAFTAR

- i) Calon-calon yang ditawarkan pengajian di PUO perlu melaksanakan pendaftaran secara dalam talian e-daftar di <http://webapps4.puo.edu.my/edaftar>.
- ii) Masukkan No. Kad Pengenalan.



Gambarajah 13

- iii) Klik Pendaftaran Pelajar Baharu selepas 2 (DUA) hari bekerja pembayaran dilakukan.



Gambarajah 14

- iv) Isi maklumat diri dan ibubapa/penjaga. Pastikan maklumat adalah yang terkini dan tepat.
 - a) Maklumat Daerah
 - Maklumat MESTI sama dengan NEGERI dan POSKOD di alamat yang ada. Maklumkan ke Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Ungku Omar jika berubah alamat tetap.
 - b) Maklumat Dun dan Parlimen:
 - Semak Parlimen dan DUN di <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/daftarPemilih>.
 - c) Maklumat pada bahagian akaun bank pelajar :
 - Pastikan no akaun bank adalah yang terkini dan aktif.
 - TIDAK BOLEH guna akaun ibubapa/ penjaga atau pihak lain.
 - d) Maklumat ibubapa/penjaga:
 - Jumlah pendapatan yang direkodkan mesti sama dengan BHEP 1 dan slip gaji/ penyata pencen / BHEP 6.

e) Klik kemaskini setelah maklumat lengkap diisi.

KEMASKINI MAKLUMAT PELAJAR

Sesi : II : 2023/2024
 No. Kad Pengenalan : 99999999988
 Nama Pelajar : NURUL SYAZA BINTI SULAIMAN
 Program : DKA - DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM
 Yuran Pengajian dan Yuran Kolej Kediaman : RM 830.00
 Bayaran Kad Pelajar dan Insurans : RM 50.00
 Jumlah Yuran Dibayar : RM 880.00

Alamat :
 Poskod : 16370
 Bandar : BACHOK
 Negeri : KELANTAN

Maklumat Daerah Tempat Tinggal
 Negeri :
 Daerah :

No. Telefon NIP (Pelajar) : (dah: 016-5067559)
 No. Telefon Rumah : (dah: 06-5067559)
 Email :

Bangsang :

Kad OKU (Pelajar) :
 Taraf Perkhidmatan :
 Parlimen :
 Dewan Undangan Negeri (DUN) :

Nama Politik/Induk Terdahulu :

Maklumat Akaun Bank Pelajar
 Jenis Bank :
 No. Akaun Bank :

Maklumat Bapa/Ibu/Penjaga
 Penjaga 1
 Nama :
 Hubungan :
 No. Telefon : (dah: 016-5067559)
 Pekerjaan Penjaga :
 Pendapatan Sebulan Penjaga (RM) : (contoh: 2560.50)

Penjaga 2
 Nama :
 Hubungan :
 Pekerjaan Penjaga :
 Pendapatan Sebulan Penjaga (RM) : (contoh: 2560.50)

Peringatan: Pastikan maklumat yang dimasukkan adalah betul dan tepat. Semua maklumat yang bertanda * wajib diisi

Kemaskini Rahsia

Gambarajah 15

v) Klik Daftar.

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU
 POLITEKNIK UNGKU OMAR
 (SESI II : 2023/2024)

Nama : NURUL SYAZA BINTI SULAIMAN
 No. Kad Pengenalan : 99999999988
 Program : DKA - DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM
 Politeknik : POLITEKNIK UNGKU OMAR
 Sesi : II : 2023/2024
 Semester : Semester 1
 Kelas : DKA1

Yuran Pengajian & Kolej Kediaman (RM 830.00) : RM 830.00
 Bayaran Kad Pelajar dan Insurans (RM 50.00) : RM 50.00
 Jumlah Yuran Dibayar : RM 880.00

Daftar Logout

Gambarajah 16

vi) Cetak 3 (TIGA) Slip Pengesahan Pendaftaran dan bawa semasa hari lapor diri.

SLIP PENGESAHAN PENDAFTARAN, POLITEKNIK UNGKU OMAR
 (SESI II : 2023/2024)

No. Pendaftaran : 01DKA23F2001

Nama : NURUL SYAZA BINTI SULAIMAN
 No. Kad Pengenalan : 99999999988
 Program : DKA - Diploma Kejuruteraan Awam
 Politeknik : POLITEKNIK UNGKU OMAR
 Sesi : II : 2023/2024

Yuran Pengajian Dan Kolej Kediaman (RM 830.00) : RM 830.00
 Bayaran Kad Pelajar dan Insurans (RM 50.00) : RM 50.00
 Blok Asrama : DELIMA

Barcode : 99999999988

Sila CETAK 3 SALINAN Slip Pengesahan Pendaftaran.
 Slip ini adalah capaian komputer dan tidak memerlukan tandatangan.

Cetak Slip Logout

Gambarajah 17

7.0 MUAT NAIK DOKUMEN

- 7.1 Muat naik Penyata Bank/ Pengesahan Akaun Bank dan Sijil Lahir Pelajar di <https://forms.gle/xPnpwTYMixnps9fx7>
- i. Penyata bank yang dimuat naik mesti sama dengan maklumat akaun bank yang dikemaskini dalam sistem.
 - ii. *Rename* kedua-dua fail kepada No Kad Pengenalan sebelum muat naik pada pautan yang disediakan.
 - iii. Fail hendaklah dimuat naik secara berasingan.
 - iv. Gambar mesti **PENUH, JELAS dan TERANG**.

8.0 PENGINAPAN

- 8.1 Semua pelajar baharu **WAJIB tinggal di Kolej Kediaman selama 2 semester**.
- 8.2 Bayaran Yuran Kolej Kediaman hendaklah dijelaskan setiap semester.
- 8.3 Politeknik Ungku Omar hanya menyediakan kemudahan asas di Kolej Kediaman seperti katil, tilam, almari, meja dan kerusi. Keperluan peribadi lain hendaklah dibawa sendiri. Kemudahan lain yang disediakan: Penapis Air, Wifi berbayar dan Kedai Koperasi.
- 8.4 Rujuk Peraturan Am Kolej Kediaman dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pencegahan Covid-19 di Kolej Kediaman.
- 8.5 Semua pelajar yang menginap di Kolej Kediaman **TIDAK DIBENARKAN** membawa sebarang jenis kenderaan masuk ke dalam kampus Politeknik Ungku Omar.
- 8.6 Pelajar adalah **DIGALAKKAN** memiliki aplikasi *é-Wallet* Touch n Go dan/ atau Maybank QRPAY untuk perbelanjaan sepanjang berada di kampus. Elakkan menyimpan wang tunai dalam jumlah yang besar.

9.0 SAHSIAH DAN RUPA DIRI

- 9.1 Pelajar perlulah mematuhi kod etika berpakaian semasa melapor diri dan sepanjang berada di dalam kampus.
- 9.2 Sebarang bentuk perhiasan seperti rantai gelang dan subang adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 9.3 Pelajar tidak dibenarkan memakai topi, baju 'T' tanpa kolar, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan semasa hadir melapor diri di Politeknik Ungku Omar.
- 9.4 Pelajar yang didapati melanggar mana-mana peraturan sahsiah diri boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50 mengikut di bawah Akta 174 (Akta Institusi-Institusi Pelajaran) kaedah 26 A.

9.5 Pemakaian Semasa Lapor Diri

LELAKI	KETERANGAN
Baju/ Tali Leher	<ul style="list-style-type: none"> • Kemeja lengan panjang berwarna putih dan bertali leher hitam tanpa corak.
Seluar/ Tali Pinggang	<ul style="list-style-type: none"> • Seluar panjang <i>slack</i> berwarna hitam – <i>jeans dan denim tidak dibenarkan.</i> • Tali pinggang berwarna hitam –corak atau kepala tali pinggang yang berbentuk keterlaluan tidak dibenarkan.
Kasut	<ul style="list-style-type: none"> • Kasut hitam dan bertutup penuh. Kasut sukan tidak dibenarkan. • Memakai sarung kaki dengan sempurna (meleпасi buku lali).
Rambut	<ul style="list-style-type: none"> • Pendek (atas no mata mesin= 3, tepi/belakang no mata mesin = 2), tidak diwarnakan dan tidak berfesyen. Rujuk gambarajah 18 dibawah.

Jadual 5: Etika pakaian pelajar lelaki semasa lapor diri.



Gambarajah 18: Gaya potongan rambut yang dibenarkan.

PEREMPUAN	KETERANGAN
Baju	<ul style="list-style-type: none"> • Berbaju kurung warna putih/ blouse labuh melepasi paras punggung dan kain hitam. • Bertudung hitam dan melebihi paras bahu bagi yang beragama Islam. • Pakaian hendaklah sopan dan tidak mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan yang sensitif tidak dibenarkan.
Kasut	<ul style="list-style-type: none"> • Kasut hitam dan bertutup penuh. • Memakai sarung kaki dengan sempurna (meleпасi buku lali).
Rambut	<ul style="list-style-type: none"> • Rambut kemas sama ada diikat atau dengan cara yang seumpama dengannya dan tidak diwarnakan serta tidak berfesyen.

Jadual 6: Etika pakaian pelajar perempuan semasa lapor diri.



Gambarajah 19: Etika pakaian pelajar lelaki dan perempuan semasa lapor diri.

9.6 Pemakaian Sepanjang Tempoh Pengajian

LELAKI	KETERANGAN
Baju	Kemeja lengan panjang / pendek Baju T berkolar (<i>tuck-in</i>) Baju Kebangsaan lengkap
Seluar	Seluar <i>slack</i> (<i>slack cutting jeans, jeans dan denim tidak dibenarkan</i>)
Kasut	Kasut berstokin yang sesuai atau kasut sukan
Rambut	Pendek, kemas dan tidak diwarnakan

Jadual 7: Etika pakaian pelajar lelaki sepanjang pengajian.

PEREMPUAN	KETERANGAN
Baju	Baju kebangsaan lengkap Berlengan panjang, kemas dan bersopan Baju T berkolar Pakaian labuh melepasi paras punggung
Seluar	Seluar <i>slack</i> (<i>slack cutting jeans, jeans dan denim tidak dibenarkan</i>)
Sarung/ <i>Maxi</i>	Labuh, longgar dan tidak jarang
Kasut	Kasut bertutup dan memakai sarung kaki dengan sempurna
Rambut	Kemas dan tidak diwarnakan

Jadual 8: Etika pakaian pelajar perempuan sepanjang pengajian.



Gambarajah 20: Etika pakaian pelajar lelaki semasa.



Gambarajah 21: Etika pakaian pelajar perempuan.



www.puo.edu.my



POLITEKNIK UNGKU OMAR (PUO)



@PUOIPOH



@poliungkuomar

Sebarang pertanyaan, hubungi:

Unit Pengambilan & Data
Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Ungku Omar

No telefon : 1-300-88-1969

Email : jhep@puo.edu.my